

SIARAN MEDIA

14 NOVEMBER 2017

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein
PrcInct 2
62100, Putrajaya
Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Penjimatan Elektrik Bernilai Hampir RM160,000 Melalui *EE Challenge 2017*

Putrajaya, 14 November – Memasuki tahun keempat pelaksanaan, pertandingan *Energy Efficiency Challenge (EE Challenge) 2017* anjuran Suruhanjaya Tenaga mencatat hasil yang membanggakan apabila sejumlah 308,985 kWj elektrik bernilai RM156,725.55 berjaya dijimatkan sepanjang pertandingan. Penjimatan ini juga bermakna pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO₂) sebanyak 235 ton CO₂ telah dicapai.

Dianjurkan setiap tahun sejak 2014, objektif pertandingan ini adalah bagi mendidik dan memupuk budaya menggunakan tenaga elektrik secara cekap dan menghargai sumber tenaga di kalangan pelajar dan warga sekolah. Selain itu, ia juga bagi memberi kesedaran dan mendorong perubahan sikap positif para pelajar dan warga sekolah tentang kepentingan penjimatan tenaga elektrik dan pemuliharaan alam sekitar.

Pertandingan *EE Challenge 2017* ini terbuka kepada sekolah-sekolah menengah dan diadakan mulai April sehingga September lalu, dengan penyertaan sebanyak 72 sekolah, termasuk dua dari Sabah. Para peserta perlu mengemukakan laporan lengkap, di mana 37 buah sekolah telah berjaya menurunkan kadar penggunaan elektrik.

Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Dato' Abdul Razak bin Abdul Majid berkata titik permulaan kecekapan tenaga adalah melalui mempraktikkan amalan cekap tenaga di dalam diri generasi muda yang juga adalah harapan negara.

"Sepanjang empat tahun pertandingan ini berlangsung, saya berharap semua nilai-nilai murni yang dipelajari sepanjang pertandingan ini dapat diperaktikkan oleh pelajar-pelajar bukan sahaja sekarang akan tetapi di masa-masa akan datang juga," katanya.

Selain hadiah utama, hadiah turut diberikan untuk kategori Video Paling Kreatif dan Video Paling Tular. Johan bagi kategori utama menerima wang tunai sebanyak RM15,000, manakala pemenang bagi kategori Video Paling Kreatif dan Video Paling Tular masing-masing membawa pulang RM5,000.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

*Siti Suhaila Ahmad/Zairullati Mali
Unit Promosi & Komunikasi
Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 /+603 8870 8598
HP: +6013 2183778 (Zairullati)
Faks: +603 8888 8636
Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairullati@st.gov.my*

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. ST memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

SENARAI PEMENANG EE CHALLENGE 2017

	NAMA SEKOLAH	HADIAH
Johan	SMK Pekula Jaya, Kedah	Wang tunai berjumlah RM15,000, plak dan sijil penghargaan
Naib Johan	SMK Keladi, Kedah	Wang tunai berjumlah RM12,000, plak dan sijil penghargaan
Tempat Ketiga	SMK Convent Pulau Tikus, Pulau Pinang	Wang tunai berjumlah RM10,000, plak dan sijil penghargaan
Tempat Ke-4	SMK Methodist, Selangor	Wang tunai bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan
Tempat Ke-5	SMK Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan	Wang tunai bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan
Tempat Ke-6	SMK Seri Aman, Kedah	Wang tunai bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan
Tempat Ke-7	SMK Pokok Sena 2, Kedah	Wang tunai bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan
Tempat Ke-8	SMK Seksyen 16, Selangor	Wang tunai bernilai RM5,000 dan sijil penghargaan
Pemenang Video Paling Kreatif	SMK USJ 12, Selangor	Wang tunai bernilai RM5,000, trofi dan sijil penghargaan
Pemenang Video Paling Tular	SMK Tengku Intan Zaharah, Terengganu	Wang tunai bernilai RM5,000, trofi dan sijil penghargaan